

# Dr. M: Persatuan beridentiti kaum patut dikurangkan

**KUALA LUMPUR 10 Julai** — Persatuan-persatuan beridentiti kaum di negara ini patut dikurangkan bagi mencapai matlamat melahirkan sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu, kata Perdana Menteri, **Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad** hari ini.

Beliau berkata, interaksi antara belia berbilang kaum sangat penting bagi mencapai matlamat tersebut malah budaya satu-satu kaum termasuk bahasanya tidak akan hilang hanya kerana merapatkan hubungan dengan kaum lain.

"Jika semasa muda lagi para belia diasingkan kerana kaum sudah tentu perpaduan di peringkat dewasa tidak akan tercapai," katanya ketika berucap di pelancaran Pameran Belia Dalam Pembinaan Negara di sini, hari ini.

Pameran tersebut adalah anjuran MCA dan beberapa buah pertubuhan belia yang lain.

Dr. Mahathir berkata, persatuan-persatuan di negara ini perlu mencuba untuk membuka pintu keahlian mereka kepada semua kaum jika mereka mahu mencapai penyatuan yang lebih cepat.

Bagaimanapun katanya, persatuan-persatuan berasaskan kaum masih boleh ditubuhkan asalkan mereka bergabung dengan badan induk seperti Majlis Belia Malaysia (MBM) yang boleh menjadi badan perantara bagi mereka.

Pertubuhan induk seperti

MBM **katanya**, mempunyai keahlian daripada semua kaum.

Ketika diminta mengulas dengan lebih lanjut selepas itu, Dr. Mahathir berkata, prinsip yang sama juga telah diamalkan oleh parti-parti politik di negara ini di mana parti-parti politik perkauman bergabung di bawah parti induk seperti Perikatan dan Barisan Nasional (BN).

"Malah parti pembangkang juga sekarang ini sudah bergabung di bawah satu badan induk sesama mereka kerana mereka tahu hanya dengan cara ini sahaja mereka boleh mencapai kemenangan," ujarnya.

Beliau juga berkata, kenyataannya dalam ucapan itu tidak bermakna kerajaan menghalang penubuhan persatuan berbentuk perkauman, cuma mereka perlu bergabung dengan pertubuhan yang lain.

Sementara itu, dalam ucapannya, Perdana Menteri juga menegaskan, sebagai golongan yang menjadi asas dan tulang belakang kepada keutuhan dan kekuatan sesuatu bangsa dan negara, kaum belia perlu berusaha untuk meningkatkan kecekapan mereka.

Katanya, tanpa ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan, sukar bagi belia untuk mengharungi kesulitan kehidupan masa depan apatah lagi memajukan negara malah ini boleh menjejaskan kesinambungan usaha-usaha pembangunan negara menjelang tahun 2020.

"Sebagai langkah pertama ke arah persediaan itu, sikap lama belia harus ditukar dan disesuaikan mengikut keperluan zaman. Mereka tidak lagi boleh bergantung semata-mata kepada orang lain seperti kerajaan untuk mendapatkan sesuatu.

"Mereka harus mempunyai sikap berdikari dalam segala usaha, mempunyai matlamat hidup yang jelas, bercita-cita tinggi untuk maju, berdisiplin diri dan berani menghadapi perubahan ke arah kebaikan," tambahnya.

Langkah kedua pula, kata Dr. Mahathir, ialah meningkatkan ilmu pengetahuan kerana di era letupan informasi sekarang, para belia tidak dapat tidak harus mengikuti pelbagai perkembangan maklumat dan ilmu yang berlaku dalam kehidupan seharian.

"Ilmu-ilmu dalam bidang seperti industri pembuatan, pendidikan moden, komputer, komunikasi pengangkutan, seni bina, sains dan teknologi tidak harus dipandang sepi sebaliknya perlu dicari dan dipelajari kerana tanpa ilmu yang tinggi mereka tidak akan dapat ke mana atau membawa negara ke mercu kejayaan," jelas beliau.

Dr. Mahathir juga mengingatkan kaum belia, mereka perlu menambah kemahiran di segenap lapangan usaha dan kegiatan kerana tanpa kemahiran mereka tidak akan dapat mengendalikan apa-apa tugas yang me-

merlukan kecekapan, kepandaian dan kepakaran.

Menurutnya, kesemua langkah ini boleh dicapai melalui teknik-teknik atau cara latihan seperti latihan sambil belajar, lawatan sambil belajar, kursus, bengkel dan sebagainya.

Bagaimanapun kata beliau, satu budaya yang tidak sihat kini melanda belia negara iaitu sikap suka mengagung-agungkan budaya dan nilai hidup secara Barat.

Katanya sebagai negara yang sedang membangun, belia sepatutnya banyak mempelajari dan menyerapkan nilai-nilai Barat yang positif ke dalam kehidupan mereka bukan mengikut secara membuta tuli.

"Malangnya ramai belia negara ini sekarang mudah menerima apa sahaja dari Barat tanpa mengira sama ada nilai-nilai itu baik ataupun boleh memberi kesan buruk.

"Perkara-perkara seperti budaya rock, berambut panjang dan memakai subang telinga bagi lelaki, penagihan dadah dan kegiatan tidak bermoral telah meningkat dan menjadi amalan belia kita," tegasnya.

Belia-belie seperti itu katanya tidak akan dapat membantu menjayakan generasi baru yang bakal memimpin negara.

Dr. Mahathir berpendapat, nilai-nilai hidup belia yang kurang sihat ini hendaklah dibanteras supaya tidak menggugat keutuhan warisan budaya bangsa.